

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha terkini pihak Kementerian menangani jerebu rentas sempadan yang berlaku dalam tahun ini dan langkah jangka panjang bagi memastikan perkara ini tidak berulang pada masa yang akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Punca utama insiden jerebu tahun ini adalah daripada jerebu merentas sempadan seperti yang boleh disemak melalui laman web ASEAN Specialised Metreological Centre di <http://asmc.asean.org> walaupun terdapat beberapa insiden pembakaran terbuka tempatan.
2. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti berikut:

- (i) mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi menangani masalah pembakaran terbuka dan jerebu di dalam negara; dan
  - (ii) mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan lain-lain yang sering terbakar dengan mengadakan operasi bersepada dengan agensi agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan;
3. Bagi menangani jerebu merentas sempadan pula, langkah-langkah tersebut telah diambil:
- (i) Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysias (TUDM) telah menjalankan operasi pemberian awan sebanyak 3 kali di Semenanjung Malaysia dan 3 kali di Sarawak dari 12 hingga 23 September 2019 bagi mengurangkan kesan jerebu merentas sempadan;
  - (ii) MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah mengutuskan surat bertarikh 6 September 2019 kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Malaysia telah meminta pihak Indonesia mengambil tindakan segera memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia;
  - (iii) MESTECC telah mengadakan perjumpaan dengan wakil kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur pada 10 September 2019 dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan/ladang di Indonesia;
  - (iv) pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan

Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu merentas sempadan;

- (v) MESTECC telah mengutuskan surat kepada ASEAN Secretariat pada 20 September 2019 bagi mencadangkan supaya diadakan mesyuarat *tele-conference* khas di peringkat Menteri untuk membincangkan isu jerebu merentas sempadan; dan
  - (vi) memainkan peranan aktif dalam Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution and ASEAN Ministerial On Environment* (AMME) yang akan diadakan dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia dan akan mengetengahkan isu jerebu merentas sempadan serta tindakan yang perlu diambil oleh negara anggota ASEAN.
3. Bagi langkah jangka panjang, MESTECC sedang mengkaji untuk menggubal undang undang diperingkat persekutuan dalam menangani isu pencemaran alam sekitar merentas sempadan termasuk jerebu. Dengan adanya undang-undang ini, tindakan boleh diambil ke atas individu/syarikat tempatan yang beroperasi di luar negara yang menjadi punca berlakunya kebakaran hutan/ladang yang menyebabkan jerebu merentas sempadan.

Sekian, terima kasih.